

SURAH JIN



Surah: 72 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 28

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Katakanlah (wahai Muhammad):
«Telah diwahyukan kepadaku,
sesungguhnya satu rombongan
jin telah mendengar (al-Quran
yang aku bacakan), maka mereka
(menyampaikan hal itu kepada
kaumnya dengan) berkata:
Sesungguhnya kami telah
mendengar al-Quran (sebuah
Kitab suci) yang (susunannya
dan kandungannya) sungguh
menakjubkan.
2. Kitab yang memberi petunjuk
kepada kebenaran, maka
kami beriman kepadanya, dan
kami tidak sama sekali akan
mempersekutukan Tuhan kami
dengan sesuatu pun.
3. Dan sesungguhnya Maha Tinggi
keagungan Tuhan kami. Dia tidak
beristeri dan tidak beranak.
4. Sesungguhnya orang yang bodoh
di kalangan kami dahulu selalu
mengucapkan kata-kata yang
melampaui batas terhadap Allah.⁽¹⁾
5. Sesungguhnya kami menyangka
bahawa manusia dan jin tidak

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا
إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ وَلَنْ نُشْرِكَ بِرَبِّنَا
أَحَدًا ﴿٢﴾

وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدْرِنَا مَا نَتَّخِذُ صَحَابَةً وَلَا
وَلَدًا ﴿٣﴾

وَأَنَّهُ كَانَ يَفُولُ سَفِيهًا عَلَى اللَّهِ سَطَطًا ﴿٤﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّا أَن لَّنْ نَقُولَ الْإِنسُ وَالْجِنُّ عَلَى اللَّهِ
كَذِبًا ﴿٥﴾

1 Perkataan yang melampaui batas ialah mendakwa Allah mempunyai isteri dan anak-anak. Menurut Ibnu Kathir, perkataan itu diucapkan sebelum jin itu masuk Islam.

sama sekali akan mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah.

6. Dan sesungguhnya ada beberapa orang lelaki di kalangan manusia yang meminta perlindungan⁽¹⁾ kepada golongan jin, tetapi mereka (jin) menjadikan mereka (manusia) bertambah sesat.
7. Dan sesungguhnya mereka (jin) menyangka sebagaimana kamu (orang musyrik Mekah) menyangka bahawa Allah tidak sama sekali akan membangkitkan sesiapa pun (pada hari kiamat).
8. Dan sesungguhnya kami telah cuba mengetahui (rahsia) langit, tetapi kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan panah-panah api yang menyala.
9. Dan sesungguhnya kami (jin) dahulu dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mencuri dengar (percakapan penduduknya), tetapi sekarang⁽²⁾ sesiapa yang mencuri dengar (seperti itu), pasti akan menjumpai panah-panah api yang mengintai untuk membakarnya.
10. Dan sesungguhnya kami (jin) tidak mengetahui (dengan adanya kawalan di langit)

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يُعُودُونَ رِجَالٍ مِنَ
الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا كَمَا ظَنَنْتُمْ أَن لَّن يَبْعَثَ اللَّهُ أَحَدًا ﴿٧﴾

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَا مُلَائِكَةً
حَرَسًا شَدِيدًا وَابْتِهَابًا ﴿٨﴾

وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقْعِدًا لِلسَّمْعِ فَمَنْ
يَسْمَعُ الْآنَ بَيِّنَاتٍ لَّهُ، سِوَهَا بَابًا صَدًّا ﴿٩﴾

وَأَنَّا لَا نَدْرِي أَشَرٌّ أُرِيدُ بِمَنْ فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ
بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

1 Terdapat di kalangan orang Arab apabila mereka melintasi tempat yang sunyi, maka mereka meminta perlindungan kepada jin yang mereka anggap berkuasa di tempat itu.

2 Waktu setelah Nabi Muhammad s.a.w diutus menjadi Rasul.

apakah keburukan yang akan ditimpakan kepada orang yang di bumi, ataupun Tuhan mereka menghendaki kebaikan kepada mereka?

11. Dan sesungguhnya ada di kalangan kami (jin) golongan yang soleh dan ada pula yang sebaliknya. Kami menempuh jalan-jalan yang berbeza.
12. Dan sesungguhnya kami (jin) mengetahui, bahawa kami tidak sama sekali akan dapat melepaskan diri daripada kekuasaan Allah (walau di mana sahaja kita berada) di bumi, dan kami juga tidak sama sekali akan dapat melarikan diri (daripada) Nya.
13. Dan sesungguhnya ketika kami mendengar al-Huda⁽¹⁾, kami beriman kepadanya. Maka sesiapa yang beriman kepada Tuhannya, maka dia tidak perlu takut dikurangkan pahala atau ditambahkan dosa.
14. Dan sesungguhnya di antara kami (jin) ada yang beragama Islam, dan ada pula yang menyimpang daripada kebenaran. Maka sesiapa yang Islam, maka mereka itulah golongan yang memilih jalan yang lurus.
15. Adapun orang yang menyimpang

وَأَنَّا مِنَّا الصَّالِحُونَ وَمِمَّا دُونَ ذَلِكَ كَمَا طَرَفْنَا فِدَاكَ ﴿١١﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّا أَن لَّن نَّعْجِرَ اللَّهَ فِي الْأَرْضِ وَلَن نَّعْجِرَهُ وَهَرَبًا ﴿١٢﴾

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا الْهُدَىٰ آمَنَّا بِهِ فَمَنْ يُؤْمِنُ بِرَبِّهِ فَلَا يَحْزَنُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِمَّا الْقَاسِطُونَ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

1 Al-Huda iaitu al-Quran. Ia dinamakan al-Huda kerana mengandungi hidayah dan petunjuk bagi seluruh manusia.

daripada jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakar bagi neraka Jahannam.

16. Dan sekiranya mereka (manusia dan jin) itu tetap berjalan di atas jalan yang lurus (Islam), pasti Kami akan memberikan mereka minuman yang segar (rezeki yang banyak).
17. (Dengan cara itu) Kami hendak menguji mereka dan sesiapa yang berpaling daripada mengingati Tuhannya, nescaya Tuhan akan memasukkannya ke dalam azab yang sangat berat.
18. Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah untuk Allah, maka janganlah kamu menyembah apapun selain Allah.
19. Dan sesungguhnya, ketika hamba Allah (Muhammad) berdiri menunaikan solat kepadaNya, mereka (jin-jin) berasak-asak mengerumuninya».
20. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya aku hanyalah menyembah Tuhanku, dan aku tidak mempersekutukan sesiapaupun denganNya».
21. Katakanlah lagi: «Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan sebarang kebaikan untuk kamu».

وَالْوَأَسْتَقْمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَا نَسْقِيَهُمْ مَاءً
عَذَقًا ﴿١٦﴾

لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ وَمَنْ يُعْرِضْ عَنْ ذِكْرِ رَبِّهِ
يَسْأَلْكَ عَذَابًا صَعَدًا ﴿١٧﴾

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

وَأَنَّهُ لَمَّا قَامَ عَبْدُ اللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا يَكُونُونَ
عَلَيْهِ لِيَدًا ﴿١٩﴾

قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوا رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

قُلْ إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

22. Katakanlah lagi: «Sesungguhnya tiada sesuatu pun dapat melindungiku daripada (azab) Allah (jika aku menderhaka kepadaNya), dan aku tidak sama sekali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya».
23. «Aku hanya menyampaikan (wahyu) daripada Allah dan perintahNya. Sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan rasulNya, maka sesungguhnya disediakan baginya neraka Jahannam. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya».
24. Sehingga apabila mereka melihat (azab) yang dijanjikan kepada mereka, maka (pada saat itu) mereka akan mengetahui siapakah yang lebih lemah penolongnya, dan lebih sedikit jumlah bilangannya.
25. (Jika ditanya bilakah azab itu? Maka) katakanlah: «Aku tidak mengetahui sama ada (azab) yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat, atau Tuhanku menjadikan bagi azab itu satu tempoh yang panjang».
26. «Dia Yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak mendedahkan perkara ghaib itu kepada sesiapa pun».
27. «Kecuali kepada rasul yang diredaiNya (untuk mengetahui sebahagian daripada perkara

قُلْ إِنِّي أَنْجِي رُبِّي مِنَ اللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِنْ
دُونِهِ مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾

إِلَّا الْبَلْغَاءَ مِنَ اللَّهِ وَرِسَالَاتِهِ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ فَإِنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا أَبَدًا ﴿٢٣﴾

حَقِّقْ إِذَا رَأَوْا مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ
أَضْعَفُ نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾

قُلْ إِن أَدْرَى أَقْرَبُ مَا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُ
رَبِّي أَمَدًا ﴿٢٥﴾

عَلَيْهِ الْغَيْبُ فَلَا يَظْهَرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

إِلَّا مَنِ ارْتَضَى مِنْ رَسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ
مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ﴿٢٧﴾

ghaib yang berkaitan dengan tugasnya, apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang rasul itu para malaikat yang menjaga dan mengawasinya.

28. «(Tuhan mengadakan para malaikat itu) supaya Dia mengetahui bahawa sesungguhnya para rasul itu (dengan jagaan mereka) telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka (dengan sempurna), sedangkan ilmuNya meliputi segala keadaan yang ada pada mereka, serta Dia menghitung setiap sesuatu satu persatu».

يَعْلَمَنَّ أَنْ قَدْ أَبْلَغُوا رَسُولَكَ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ
بِمَا لَدَيْهِمْ وَأَخْصَى كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا ﴿٢٨﴾

